

Jurnal E-Bangi

by nurulainalizuddin 1

Submission date: 08-Feb-2024 08:57AM (UTC+0300)

Submission ID: 2289400410

File name: Artikel_Turnitin.pdf (212.24K)

Word count: 5334

Character count: 34300

Abstrak: Kajian mengenai dialektologi semakin berkembang dan mendapat tumpuan dalam kalangan sarjana bahasa di Malaysia. Terdapat ramai ahli linguistik yang mengutarakan pandangan mereka terhadap dialek dalam pelbagai lapangan ilmu seperti bidang fonologi, morfologi, semantik dan sintaksis. Walau bagaimanapun, kajian berkaitan dialek Melayu ini masih memerlukan kajian lanjut. Justeru, kajian ini memfokuskan kajian literatur sistematik (SLR) berkaitan dialek Melayu yang menggunakan pendekatan Program Minimalis (PM) dalam kajian terdahulu. Pengaplikasian teori PM akan dapat menjelaskan proses penggabungan dan pergerakan yang berlaku dalam struktur binaan kata dan frasa dan menunjukkan keunikan dialek Melayu di Malaysia. Kajian kualitatif ini menerapkan reka bentuk analisis dokumen yang dihurai secara deskriptif berdasarkan analisis tinjauan literatur sistematik. Melalui enjin carian pangkalan Scopus dan Google Scholar, artikel kajian yang menepati kriteria pemilihan telah dipilih dalam tempoh 13 tahun bermula pada tahun 2011 sehingga Mac 2023. Proses pemilihan artikel berdasarkan proses carta alir *Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses* (PRISMA). Seterusnya, analisis yang dilakukan merangkumi aspek latar belakang kajian, permasalahan, metodologi dan dapatan kajian terdahulu. Bagi mencapai objektif kajian, kajian dialek telah dianalisis dari pelbagai aspek sintaksis seperti kata, frasa dan ayat. Hasilnya sebanyak 12 artikel telah dikenal pasti menepati kriteria pemilihan. Dapatan juga memperlihatkan kajian dialek dari aspek sintaksis perlu diperluas dan diintegrasikan dengan kajian akan datang untuk mengenal pasti isu baharu berkaitan dengan kajian dialek di Malaysia. Selain itu, analisis kajian ini dapat memberikan maklumat baharu dan dijadikan rujukan oleh para penyelidik yang menjalankan penyelidikan terhadap dialek Melayu dan seterusnya memberikan sumbangan kepada perkembangan ilmu linguistik di Malaysia.

Kata kunci: kajian literatur sistematik; Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyse; dialek Melayu; sintaksis; Program Minimalis

Abstract: The study of dialectology is gaining momentum and receiving attention among language scholars in Malaysia. Many linguists have expressed their views on dialects in various fields of study such as phonology, morphology, semantics, and syntax. However, further research on the Malay dialects is required. Therefore, this study focuses on the systematic literature review of Malay dialects using the Minimalist Program (MP) approach in previous studies. The application of MP theory can explain the processes of merging and movement that occur within the structure of words and phrases, demonstrating the uniqueness of the Malay dialect in Malaysia. This qualitative study adopts a descriptive document analysis design based on systematic literature review analysis. Through Scopus and Google Scholar search engines, research articles that meet the selection criteria were chosen over 13-year period from 2011 to March 2023. The article selection process is based on the Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses (PRISMA) flowchart. Subsequently, the analysis covers the background of the study, issues, methodology, and findings of previous studies. In order to achieve the research objective, dialect studies were analysed from various syntactic perspectives, including words, phrases, and sentences, resulting in the identification of 12 articles that met the selection criteria. The findings also indicates that research on dialects from the syntactic aspect needs to be expanded and integrated with future studies to expose emerging issues related to dialect studies in Malaysia. Additionally, the analysis from this study can provide new information

and serve as a reference for researchers conducting research on Malay dialects, thus contributing to the development of linguistic studies in Malaysia.

Keywords: systematic literature review; Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses; Malay dialects; syntax; Minimalist Program

Pengenalan

Kepelbagaian masyarakat Malaysia menyebabkan penggunaan pelbagai bahasa dalam komunikasi. Bahasa berperanan sebagai alat komunikasi untuk interaksi antara individu atau masyarakat yang berbeza. Bloomfield (1956) mendefinisikan bahasa sebagai cara berkomunikasi di antara individu dan juga sebagai alat untuk mengekspresikan diri. Kridalaksana (1984, p.19) mendefinisi sebagai sistem lambang-lambang arbitrari yang digunakan oleh masyarakat sebagai alat untuk mengenal pasti diri dan komunikasi. Secara umum, bahasa didefinisi sebagai bentuk komunikasi yang dapat difahami oleh masyarakat linguistik untuk menyalurkan pendapat atau informasi kepada individu lain. Musa (2005) menyatakan dua sudut pandangan tentang kewujudan bahasa, iaitu:

- i. Bahasa dilihat sebagai gejala atau fenomena yang berbentuk zahiriah atau fizikal, iaitu terdiri daripada bunyi-bunyi ujaran atau tulisan yang melambangkannya.
- ii. Bahasa manusia ditakrifkan sebagai gejala atau fenomena akal, iaitu hasil kreativiti akal yang melahirkan atau menerbitkan ujaran-ujaran (terdiri daripada ayat-ayat) yang sempurna atau gramatis yang tidak terhad jumlahnya yang dijanakan oleh sejumlah rumus-rumus yang terhad bilangannya.

Berdasarkan pandangan dalam ayat (ii), bahasa didefinisikan sebagai “sejumlah ujaran (ayat ayat) yang gramatis yang tidak terhad bilangannya yang dijanakan oleh sejumlah rumus-rumus yang terhad bilangannya”. Rumus-rumus itu terletak di dalam akal penutur asli setiap bahasa dan merupakan kemampuan (*competence*) dalaman setiap penutur aslinya. Pandangan ini melahirkan teori linguistik Transformasi Generatif (TG) yang dicetuskan oleh Noam Chomsky pada tahun 1957.

Berdasarkan pandangan untuk meneliti bahasa daripada ujaran-ujaran (ayat-ayat) yang gramatis yang diterbitkan oleh rumus-rumus linguistik, maka penelitian ke atas pembentukan ayat-ayat yang diterbitkan melalui rumus-rumus tertentu yang merupakan kemampuan dalaman penutur aslinya perlu dilakukan. Pembentukan ayat-ayat itu bermula daripada bentuk dasar ayat yang terletak di dalam akal manusia, iaitu struktur dalaman dan kemudian diterbitkan sebagai struktur permukaan, iaitu ujaran yang sebenar melalui penerapan rumus-rumus tertentu. Rumus-rumus itu terdiri daripada rumus struktur frasa (RSF), rumus penyisipan leksikon dan rumus transformasi.

Setiap masyarakat mempunyai komuniti bahasa yang tersendiri. Bahasa menjadi alat komunikasi yang sangat penting dan berkait rapat dengan komuniti. Setiap komuniti bahasa mempunyai peraturan tertentu sebagai panduan agar ahli masyarakat menggunakan bahasa yang baik dan betul. Masyarakat bahasa merujuk kepada kelompok masyarakat yang menggunakan bahasa yang sama dan menggunakannya untuk berinteraksi. Hartmann & Stork (1976), mendefinisikan masyarakat bahasa atau kelompok bahasa sebagai sekumpulan manusia yang menetap dalam kawasan dan menggunakan bahasa yang sama. Justeru, setiap komuniti bahasa memiliki sifat-sifat khusus, termasuk penggunaan kata tertentu, bentuk frasa, atau istilah yang unik dalam masyarakatnya.

Definisi Dialek

Istilah dialek berasal daripada perkataan Yunani *dialektos* iaitu '*manner of speech*' (Chambers & Trudgill, 1990). Di Malaysia, kajian terhadap dialek telah menarik perhatian sarjana bahasa sejak sekian lama. Terdapat ramai ahli linguistik yang mengutarakan pandangan mereka terhadap dialek dalam pelbagai lapangan ilmu seperti bidang fonologi, morfologi, semantik dan sintaksis. Menurut Meillet (1976) variasi bahasa diucapkan oleh kumpulan penutur dalam kawasan tertentu melampaui sempadan politik, dan setiap dialek memiliki ciri-ciri unik yang membezakannya dari dialek lain. Omar (2008) menyatakan bahawa dialek ialah variasi bahasa yang bukan bahasa standard. Secara umumnya, dialek merujuk kepada variasi bahasa di dalam wilayah tertentu yang mempunyai perbezaan dari segi sebutan, nahu, dan kosa kata daripada bahasa standard. Walaupun setiap kawasan mempunyai ciri-ciri bahasa yang khas dalam bunyi dan kosa kata, perbezaan ini tidak ketara sehingga dapat diandaikan sebagai satu bahasa yang berbeza.

Dialek ialah subbahasa yang menggambarkan bentuk pertuturan masyarakat dalam satu kawasan tertentu (Omar, 2008). Negara Malaysia yang terdiri daripada 13 negeri, mempunyai pelbagai dialek yang dituturkan di setiap negeri. Omar (2008) mengkategorikan dialek Melayu di Malaysia kepada dua belas kawasan, setiap satu dengan subdialek tersendiri. Antaranya ialah dialek Johor-Riau, dialek Negeri Sembilan, dialek Perak, dialek Kelantan, dialek Terengganu, dan pelbagai lagi. Walaupun nama-nama dialek ini mengambil nama negeri-negeri di Malaysia, ini tidak bermakna sempadan negeri tersebut ialah sempadan dialeknnya. Hal ini demikian kerana terdapat banyak faktor kewujudan dialek seperti faktor geografi, politik dan penjajahan.

Faktor Yang Mewujudkan Dialek

Kemunculan dialek berlaku disebabkan faktor seperti faktor penjajahan, politik, geografi, masa dan perdagangan dan masa. Di Malaysia, sempadan antara kawasan ditentukan oleh ciri-ciri geografi seperti bukit, hutan, dan sungai. Selain itu, faktor politik juga menyebabkan negara Malaysia terbahagi kepada unit politik yang lebih kecil, seperti negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, dan lain-lain. Keadaan ini telah membawa kewujudan dialek tempatan yang merupakan variasi daripada bahasa Melayu di Malaysia. Walaupun dialek ini merupakan variasi bahasa Melayu, namun penutur dialek ini masih dapat memahami satu sama lain.

Variasi bahasa bermaksud perbezaan bentuk-bentuk bahasa dari segi sebutan, kosa kata dan nahu. Variasi bahasa wujud disebabkan kawasan geografi yang berbeza dan dikenali sebagai dialek geografi. Omar (2008) menyatakan bahawa perkara utama yang perlu difahami ialah definisi geografi dialek dan kaedahnya apabila memperkatakan bahasa Melayu dan kawasannya. Dialek geografi juga dikenali dengan nama kawasan geografi linguistik dan juga dikenali sebagai dialek kawasan atau loghat (Fishman, 1991). Dialek merujuk kepada variasi dalam penggunaan bahasa yang diucapkan dalam kelompok komuniti setempat berdasarkan persempadanan geografi.

Setiap dialek mempunyai keunikan dan sifat istimewa yang menjadikannya berbeza dengan dialek yang lain. Ketidaksamaan ini dapat diteliti dari segi bunyi, imbuhan, kosa kata. Perbezaan dialek geografi ini ditentukan oleh kelainan sebutan, imbuhan, perkataan dan ungkapan (Mahmood, 1993). Berdasarkan definisi yang diberikan, terdapat perbezaan antara dialek dan bahasa. Menurut Che Kob (2006, p. 129) terdapat beberapa ciri dalam penentuan dialek. Antaranya ialah:

1. Bentuk tersebut hendaklah mempunyai kawasan atau wilayah pertuturan tersendiri.
2. Bentuk tersebut mempunyai perbezaan dari segi percakapan, nahu dan penggunaan kata.

3. Tiada perbezaan yang ketara sehingga dianggap sebagai bahasa yang berbeza.

Kajian dialek mengalami perkembangan pesat dan dibahasakan dalam pelbagai bidang kajian dan tidak terhad kepada konsep tradisional sahaja. Hal ini dibuktikan apabila bidang ini mengalami paradigma baharu dengan penerbitan buku *Syntactic Structure* (1957) dan *Aspects of the theory of Syntax* (1965) yang dipelopori oleh Noam Chomsky. Hal ini secara tidak langsung telah membawa kemunculan bidang dialektologi generatif yang merupakan penerapan konsep-konsep dan penemuan daripada tatabahasa generatif, yang menguraikan dan membuat perbandingan terhadap dialek (Chambers & Trudgill, 1990, p. 45). Sebagai cabang bidang linguistik, dialek memfokuskan konsep fonem, alofon untuk bidang fonologi, konsep morf, morfem, alomorf, morfonomik bagi bidang morfologi, konsep frasa, klausa, morfositaksis untuk sintaksis (Chambers & Trudgill, 1990).

Objektif Kajian

Tujuan kajian berfokus kepada penelitian tinjauan kajian lepas berkaitan dengan dialek Melayu di Malaysia dengan menggunakan pendekatan Program Minimalis. Dalam konteks ini, kajian literatur merangkumi proses pemeriksaan dan analisis terhadap sumber-sumber bacaan yang ada kaitan dengan subjek kajian yang sedang dijalankan. Seterusnya kajian ini mengintegrasikan penemuan kajian lepas bagi memberikan cadangan isu baharu yang boleh diterokai dan dikaji oleh pengkaji akan datang. Hal ini selari dengan objektif utama pendekatan SLR, iaitu untuk mengurangkan risiko berat sebelah dan meningkatkan ketelusan pada setiap peringkat proses semakan dengan menilai kualiti kajian yang disertakan, dan meringkaskannya secara objektif (Liberati et al., 2009). Kajian SLR bertujuan untuk membantu pengkaji memahami latar belakang topik dan hasil kajian bagi menjadi panduan kepada penelitian baharu yang bakal dilakukan (Okoli, 2017). Tujuan kajian SLR adalah untuk mensintesis literatur secara sistematik dalam domain dan mencadangkan hala tuju penyelidikan masa depan berdasarkan jurang yang dikenal pasti dalam sintesis literatur (Paul & Criado, 2020). SLR bertujuan untuk mengumpulkan semua bukti yang ada mengikut kelayakan yang dinyatakan sebelum ini kriteria untuk menjawab soalan kajian dan kaedah sistematik digunakan yang memberikan hasil yang lebih dipercayai untuk membuat kesimpulan dan akibat dalam membuat keputusan (Thoemmes & Kim, 2011). Secara keseluruhan, kajian SLR bermaksud kaedah penyelidikan sistematik untuk mengumpulkan, mensintesis, dan menilai bukti dari pelbagai sumber literatur yang berkaitan dengan topik penyelidikan tertentu.

Metodologi Kajian


Kajian ini mengaplikasikan kaedah tinjauan sistematik (SLR) untuk mengenal pasti data yang berkaitan dengan dialek Melayu menggunakan pendekatan Program Minimalis. Kajian SLR ini diterapkan dan diaplikasikan dalam pelbagai bidang termasuk sains, ekonomi, penjagaan kesihatan, sains sosial, dan banyak lagi. Ini berujuan untuk mengumpul, menilai, dan mensintesis literatur sedia ada tentang topik atau soalan penyelidikan tertentu secara sistematik. Kaedah ini melibatkan langkah-langkah yang teratur untuk mencari, menilai, dan menyampaikan maklumat dari pelbagai sumber literatur yang dipilih secara sistematik. Dalam SLR tujuan penyelidikan hendaklah diuraikan dengan jelas, kajian akademik yang termasuk dalam penyelidikan hendaklah dipilih mengikut kriteria yang ditentukan, ciri utama artikel yang dipilih harus ditentukan, dan maklumat dan penemuan yang diperoleh daripada artikel harus disimpulkan. Kajian SLR berbeza

dengan ulasan naratif tradisional dengan mengambil pendekatan yang boleh diulang, saintifik, dan telus. Ini membantu mengumpulkan semua penerbitan dan dokumen berkaitan yang memenuhi kriteria yang telah diperlukan untuk menjawab soalan penyelidikan yang spesifik.

Kaedah SLR relevan digunakan kerana mempunyai keupayaan dalam menilai secara sistematik semua kajian yang berkaitan dengan dialek dan Program Minimalis. Kaedah penyelidikan yang digunakan adalah melalui penganalisan dokumen terhadap artikel jurnal dan kertas persidangan yang dihasilkan oleh ahli linguistik. Kaedah mencari maklumat dilakukan dengan mengakses pangkalan data utama dan tambahan sebagai langkah untuk mendapatkan bahan yang berkualiti dan sesuai dengan keperluan kajian. Pencarian secara komprehensif dilakukan melalui pangkalan data utama seperti *Scopus*, *Web of Science* (WOS), dan *Science Direct*. Sementara itu, pangkalan data jurnal tambahan seperti *Google Scholar* dan *My Cite* juga digunakan untuk mempelbagaikan sumber maklumat. Seterusnya, bagi tujuan pencarian data, penulisan ini berdasarkan pada publication standard *Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses* (PRISMA) (Moher et al., 2009). Pengaplikasian kaedah ini membantu penulisan literatur dengan lebih jelas dan tepat (Randour et al., 2020). Ini buktikan dengan kajian Hill et al. (2018), Handayani (2018), Ima Fitriyah dan Utami Widiati (2021) serta beberapa lagi kajian bidang bahasa lain yang menjadikan PRISMA sebagai panduan untuk kajian SLR.

Terdapat empat peringkat dalam PRISMA, iaitu pengenalpastian (*identification*), saringan (*screening*), kelayakan (*eligibility*) dan termasuk (*included*). Lihat rajah 1:

Rajah 1 : Carta alir PRISMA dalam proses pencarian sampel artikel (Moher et al. 2009)



Pengenalpastian (*Identification*)

Langkah pertama yang perlu dilakukan ialah menentukan skop kajian yang jelas agar dapat membantu proses kajian. Untuk melakukan pencarian tajuk, strategi pencarian secara elektronik perlu dilakukan terhadap sekurang-kurangnya satu pangkalan data utama (Liberati et al., 2009). Satu pangkalan data diperlukan bagi menggunakan strategi pencarian elektronik melalui pencarian tajuk (Liberati et al., 2009). Ini disokong oleh Xiao dan Watson (2019) yang berpendapat bahawa penggunaan lebih daripada satu pangkalan data mampu menutup jurang kelompangan yang wujud. Pencarian literatur yang komprehensif dan sistematik perlu dilakukan dalam pangkalan

data dan sumber-sumber literatur yang relevan. Pencarian dimulakan dengan mengenal pasti pangkalan data utama yang diiktiraf antarabangsa, berindeks tinggi dan mencapai piawai ketetapan Institut Pengajian Tinggi (IPT) untuk mengumpul infomasi berkaitan berkaitan tajuk kajian.

Seterusnya, pencarian ini dijalankan dengan mengakses pangkalan data *Scopus* dan *Google Scholar* dan dimasukkan ke dalam software *Mendeley*. Pencarian menggunakan enjin carian canggih di *Google Scholar*, ia membantu untuk meliputi rujukan yang tidak diliputi oleh pangkalan data lain (Yang & Meho, 2006). Dalam kajian ini, kata kunci “*Malay dialect*” dan “*Minimalist Program*” digunakan bagi mendapatkan data kajian. Enjin carian dalam pangkalan data membolehkan anda mencari kosa kata yang sinonim, atau kosa kata yang mewakili topik dalam kata kunci. Tanda kurungan () dan boolean *OR* dan *AND* digunakan bagi membolehkan pencarian perkataan lain yang mewakili topik dalam kata kunci. Pemilihan kata kunci yang tepat perlu dilakukan bagi mendapatkan maklumat yang komprehensif dan bersesuaian dengan topik yang dibincangkan. Hal ini demikian kerana kemungkinan kata kunci yang sama juga digunakan dalam bidang kajian yang lain.

Penapisan (*Screening*)

Kaedah penyelidikan yang dipraktikkan ialah dengan menganalisis dokumen terhadap artikel jurnal dan kertas prosiding persidangan yang dihasilkan oleh ahli linguistik. Carian artikel dihadkan bermula tahun 2011 sehingga Jan 2024. Tempoh masa ini diambil kerana perbincangan mengenai Program Minimalis dan dialek Melayu giat dibincangkan dan dibahas pada tahun tersebut. Kajian ini mengaplikasikan kajian SLR yang meliputi tahun kajian, latar belakang, permasalahan kajian, metod dan dapatan kajian. Dalam kajian ini, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dipilih sebagai bahasa pengantar bagi artikel literatur. Hasil carian mendapati sebanyak 114 bahan rujukan yang diterima dengan kesesuaian untuk dianalisis dalam SLR.

Pada peringkat ini, 325 artikel telah dikeluarkan daripada senarai kerana faktor pertindihan dan pengulangan artikel yang sama dalam pangkalan data. Proses saringan diteruskan dengan mengeluarkan artikel yang tidak menepati kriteria kemasukan yang telah ditetapkan. Sebanyak 52 artikel telah dikeluarkan selepas pembacaan komprehensif terhadap artikel dilakukan. Antara faktor penilaian yang ditetapkan dalam pemilihan artikel ialah tahun penerbitan bermula pada tahun 2011 sehingga yang terkini, iaitu Januari 2024, jenis dokumen, jurnal dan prosiding persidangan dan penulisan artikel dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Jadual 1 menunjukkan kriteria kemasukan dan pengecualian yang diambil kira dalam proses pemilihan artikel.

Jadual 1: Kriteria Kemasukan dan Pengecualian

Kriteria	Kemasukan	Pengecualian
Tahun Penerbitan	2011- Jan 2024	≤ 2011
Jenis Dokumen	artikel jurnal dan kertas persidangan	Buku, bab dalam buku, tesis, surat khabar, monograf
Bahasa	Bahasa Inggeris dan bahasa Melayu	Terhad kepada bahasa Inggeris dan bahasa Melayu

Kelayakan (*Eligibility*)

Fasa ketiga ialah kelayakan (*eligibility*) yang melibatkan pemilihan secara manual dengan memastikan bahawa artikel memenuhi kriteria kemasukan (rajah 1) dan sesuai digunakan dalam kajian semasa bagi memenuhi objektif kajian. Artikel yang tidak mematuhi kriteria dan tema akan dihapuskan. Sebanyak 62 artikel perlu dinilai tahap kelayakan mengikut kriteria kajian pada peringkat ini. Hasilnya, terdapat sebanyak 50 artikel yang tidak memenuhi kriteria kajian, iaitu tidak berkaitan dengan Program Minimalis dan dialek Melayu.

Termasuk (*Included*)

Peringkat terakhir dalam proses ini ialah termasuk (*included*). Pada peringkat ini, pengkaji dapat mengenal pasti jumlah akhir artikel yang digunakan sebagai sampel kajian dalam SLR dalam fasa terakhir ini. Secara keseluruhannya, sebanyak 12 artikel telah dipilih pada peringkat ini dan digunakan untuk mengenal pasti kajian lepas dialek Melayu yang menggunakan pendekatan Program Minimalis.

Senarai Kajian SLR

Kajian Sistematis Literatur Review (SLR) telah menemui sebanyak 12 artikel yang memfokuskan perbincangan terhadap dialek Melayu dengan pengaplikasian Program Minimalis. Pemilihan bahan kajian merujuk kepada kehendak kajian dan dihadkan mengikut kata kunci yang telah dinyatakan dalam artikel ini. Berikut dipaparkan artikel jurnal dan prosiding persidangan hasil SLR yang ditemui meliputi nama penulis, tajuk, nama jurnal dan jenis pangkalan data yang diperoleh:

Jadual 2: Senarai Kajian SLR Berkaitan Dialek Melayu Mengaplikasikan Pendekatan Minimalis

Bil.	Tahun	Penulis	Tajuk	Nama Jurnal	Scopus/Wos/Index/Buku
1.	2021	Mohamed Sultan dan Mohamad	1 Analisis kata kerja bantu (KKB) dalam dialek Melayu Terengganu (DMT) menggunakan Program Minimalis	Jurnal Linguistik	Index
2.	2020	Che Man dan Mohamed Sultan	1 Ayat selapis dalam Dialek Perlis (DP) menggunakan Kerangka Minimalis	Jurnal Linguistik	Index
3.	2020	Mohamed Sultan dan Ahmad	1 Kata Kerja Bantu (KKB) dalam Dialek Melayu Kedah (DMK): Analisis Program Minimalis	Jurnal Bahasa	Index
4.	2020	Mohamed Sultan dan Nasir	1 Kata Kerja Bantu (KKB) dialek Kelantan (DK): Analisis kerangka Program Minimalis	Jurnal Persuratan Melayu	Index
5.	2019	Othman dan Mohamed Sultan	1 Frasa Kerja dalam Dialek Negeri Sembilan (DNS): Analisis Kerangka Minimalis	Jurnal Wacana Sarjana	Index
6.	2018	Abd Rahman dan Mohamed Sultan	Kata Kerja dalam dialek Perlis (DP): Analisis Program Minimalis (PM)	Jurnal Wacana Sarjana	Index
7.	2018	Mohamed Sultan	1 Kata soal 'brapa' dalam dialek Perlis (DP): Analisis Program Minimalis (PM)	Jurnal Bahasa	Index
8.	2018	Nik Muhammad Naziman dan Mohamed Sultan	1 Bentuk dan kedudukan kata tanya dialek Perak Utara (DPU): Satu huraian deskriptif.	Jurnal Bahasa	Index
9.	2013	Mohamed Sultan dan Suhaimi	Sintaksis kata tanya 'sapa' dalam dialek Kedah (DK)	GEMA Online™ Journal of Language Studies	Scopus
10.	2012	Mohamed Sultan dan Suhaimi	6 Kata Soal dalam Dialek Kedah	GEMA Online™ Journal of Language Studies	Scopus
11.	2012	Mohamed Sultan dan Nordin	6 Kata tanya 'mana' dalam dialek Pulau Pinang (DPP) dalam Program Minimalis (PM)	Jurnal Bahasa	Index
12.	2011	Mohamed Sultan dan Suhaimi	Variasi kata soal "mengapa" dalam Dialek Kedah (DK): Satu analisis sintaksis	Jurnal Bahasa	Index

Hasil Kajian

Berdasarkan Jadual 2, terdapat 12 kajian yang berkaitan dengan dialek Melayu yang menerapkan elemen Program Minimalis. Berdasarkan kajian sorotan yang dilakukan, kajian dialek dalam aspek sintaksis kurang dilakukan oleh pengkaji. Jika ada, penelitiannya lebih menjurus kepada bidang fonologi, semantik dan morfologi dan dapatan yang diperoleh berbeza serta memerlukan huraian yang lebih terperinci dan kajian lanjut perlu dilakukan. Tidak dinafikan kewujudan kajian dialek yang lain seperti kajian Collins (1983), Mat Piah (1983), Che Kob (1985), Raja Mohd Dain (1986), Omar (1993), Mohd. Yusof (2003), Kassin dan Masron (2014), Jalaluddin et al. (2016) dan Siti Hamzah dan Jalaluddin (2014, 2018). Walau bagaimanapun, kajian-kajian yang telah dilakukan tidak melihat dan menyentuh aspek sintaksis dialek Melayu dengan pengaplikasian Program Minimalis (PM). Ini jelas memperlihatkan bahawa kajian mengenai dialek belum dibahaskan dengan lebih terperinci dan memerlukan penelitian lanjut.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian lepas memperlihatkan penjelasan yang berkesan dan mantap berkaitan persamaan dan perbezaan yang wujud dalam konstituen kata dan ayat dalam sesuatu dialek atau bahasa. Contohnya, analisis yang dijalankan terhadap kata kerja dalam dialek Perlis (DP) dan dialek Negeri Sembilan (DNS) mengkategorikan kata kerja kepada tiga, iaitu kata kerja transitif kata kerja tak transitif dan kata kerja dwitransitif. Frasa kerja dalam DNS tidak mempunyai kala kini kerana ketiadaan unsur yang menunjukkan masa manakala DP memiliki fitur kala kini dan kala lepas. Struktur binaan FK dalam DNS mempunyai persamaan dengan struktur bahasa Melayu standard, iaitu S-K-O. Situasi ini juga sama dalam dialek DP, yang mana binaan FK ialah S-K-O. Ini jelas menunjukkan persamaan FK dialek Melayu dan bahasa Melayu standard. Kajian Che Man dan Mohamed Sultan (2020) mendapati kebanyakan pola yang wujud dalam penggunaan ayat selapis DNP ialah pola ayat yang dimulai dengan frasa kerja.

Reka Bentuk Penyelidikan Kajian Lepas

Reka bentuk penyelidikan yang diaplikasikan dalam kesemua kajian lepas ialah kajian kualitatif. Kajian kualitatif merupakan kajian yang dijalankan terhadap situasi dan individu bagi mendapatkan informasi secara menyeluruh. Berdasarkan analisis yang telah dilakukan terhadap 12 artikel kajian lepas, reka bentuk penyelidikan yang digunakan ialah berbentuk kualitatif, iaitu dilakukan secara lapangan dengan melibatkan kaedah temu bual dan rakaman. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual tidak berstruktur, iaitu soalan temu bual tidak disediakan sebelum sesi temu bual berlangsung. Sebaliknya, soalan yang diajukan semasa proses temu bual berkaitan latar belakang sampel kajian, aktiviti kemasyarakatan, pekerjaan harian yang dilakukan dan kawasan kajian. Selain itu, kawasan pinggir bandar, iaitu kawasan kampung dipilih sebagai lokasi kajian kerana tidak mengalami pembangunan yang pesat. Ini penting bagi memastikan sampel kajian merupakan penutur natif dan tidak berhijrah ke bandar dan meninggalkan kampung halaman bagi tempoh masa yang lama bagi mengelakkan percampuran dialek berlaku.

Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah *purposive sampling* atau pensampelan bertujuan, iaitu melibatkan pengetahuan pengkaji untuk memilih sampel berdasarkan tujuan penyelidikan. Ini bermaksud sampel kajian mempunyai ciri-ciri tertentu yang menyebabkan mereka dijadikan sebagai informan. Bilangan sampel kajian yang dipilih di antara lima hingga 20 orang bagi mewakili kawasan kajian. Sampel kajian yang dipilih merupakan penduduk di kawasan ini yang berbangsa Melayu, beragama Islam dan golongan dewasa yang berumur 50 tahun hingga 75 tahun. Pemilihan faktor umur ini disebabkan informan mempunyai tahap kebolehfahaman yang

tinggi, matang, berpengalaman luas dan merupakan penduduk setempat yang tidak pernah berhijrah ke bandar atau meninggalkan kampung halaman dalam tempoh yang lama. Selain itu, bahasa yang dituturkananya asli berbanding dengan golongan atau generasi muda (Chambers & Trudgrill 1980).

Dari segi hubungan kebolehfahaman penutur usia, didapati semakin meningkat usia, semakin tinggi darjah kebolehfahaman mereka terhadap perbendaharaan kata. Pernyataan ini dipersetujui oleh hasil kajian Aman et al. (2016) yang menunjukkan min kebolehfahaman penutur yang berumur 56 tahun ke atas adalah paling tinggi, iaitu 96 peratus. Ini selari dengan dapatan Aman et al. (2010), iaitu generasi tua kurang lentur kepada aksen standard kebangsaan dan kurang dapat menyesuaikan aksen ketika berkomunikasi dalam konteks formal. Sebaliknya, generasi muda tidak dipilih kerana kerancakan interaksi menyebabkan mereka terpengaruh dengan penggunaan bahasa pasar dan slanga dalam pertuturan harian. Selain itu, sifat keterbukaan golongan muda yang menerima baik pengaruh bahasa Melayu standard, peralihan kod dan terdedah dengan peminjaman kosa kata bahasa asing menjadikan mereka tidak sesuai menjadi informan kajian ini.

Walaupun kesemua kajian mengaplikasikan teori yang sama, iaitu Program Minimalis (PM), namun hasil kajian menunjukkan terdapatnya persamaan dan perbezaan dalam kajian yang dijalankan. Ini kerana data atau dialek yang digunakan adalah berbeza. Pengaplikasian PM penting kerana mampu menghuraikan proses konstituen ayat bermula daripada pemilihan leksikon dan seterusnya digabungkan oleh penutur natif sesuatu bahasa tersebut.

Klasifikasi Kata Kerja Dalam Bahasa Melayu

Secara keseluruhannya, kajian-kajian lepas memperlihatkan penjelasan yang berkesan dan mantap berkaitan persamaan dan perbezaan yang wujud dalam konstituen kata dan ayat dalam sesuatu dialek. Analisis yang dijalankan terhadap kata kerja memperlihatkan bahawa terdapat tiga kategori kata kerja (KK) yang terdapat dalam dialek, iaitu KK transitif, KK tak transitif dan kata KK dwitransitif. Bagi KK transitif, kata kerja ini memerlukan objek atau penyambut manakala KK tak transitif tidak memerlukan objek. Kata kerja dwitransitif pula mempunyai dua objek, iaitu objek langsung dan objek tidak langsung. Dapatan kajian ini selari dengan kategori KK bahasa Melayu standard yang dibincangkan oleh Karim et al. (2013). Menurut Karim et al. (2013, p. 385) KK terdiri daripada KK transitif atau KK tak transitif. Kata kerja tak transitif terbahagi kepada KK tak transitif berpelengkap dan KK tak transitif tak berpelengkap manakala KK transitif dapat dibahagikan kepada KK transitif yang wujud dalam ayat aktif dan KK transitif yang wujud dalam ayat pasif (Karim et al. 2013). Kata kerja transitif juga merupakan KK yang mengandungi objek yang terdiri daripada frasa nama untuk menyempurnakan makna ayat, manakala KK tak transitif merupakan KK yang tidak memerlukan penyambut atau objek sesudahnya.

Dalam bahasa Melayu, KK terdiri daripada KK transitif dan KK tak transitif. Kedua-dua KK ini mempunyai perbezaan berdasarkan maklumat tematik, iaitu peranan KK tersebut. Dalam hal ini, setiap argumen mesti mempunyai satu peranan teta seperti agen, tema, pengalami, penderita, benefektif dan lain-lain (Chomsky 2001). Peranan makna ini ditandai oleh kata nama melalui KK. Secara umumnya, KK tak transitif dikategorikan kepada dua, iaitu KK tak ergatif KK dan tak akusatif. Perbezaan antara kedua-dua KK ini adalah berdasarkan peranan KK yang wujud dalam binaan frasa kerja. Kata kerja tak ergatif ialah KK yang subjek ayatnya terdiri daripada kata

nama yang berperanan sebagai agen, manakala KK tak akusatif ialah KK yang subjeknya merupakan kata nama yang berperanan sebagai tema, penderita, alat, dan sebagainya.

Dari segi hubungan argumen dengan peranan teta atau tematik, KK tak transitif hanya memiliki satu argumen sahaja, iaitu argumen dalaman atau argumen luaran. Ini berbeza dengan KK transitif yang memerlukan kedua-dua argumen untuk memenuhi peranan tetanya. Kata kerja tak ergatif memerlukan argumen luaran manakala KK tak akusatif memerlukan argumen dalaman sebagai peranan teta pada permukaan subjek. Penandaan peranan teta dalam binaan ayat sangat penting kerana kehadiran frasa nama tanpa peranan teta dalam ayat boleh menyebabkan ayat tersebut menjadi tidak gramatis.

Seterusnya, dalam bahasa Melayu KK dapat diikuti dengan perkataan lain untuk membentuk frasa kerja. Binaan frasa KK transitif berbeza dengan binaan frasa kerja transitif yang memerlukan objek atau pelengkap untuk menjadikan ayat gramatis dan bermakna. Walaupun KK tak transitif tidak memerlukan sebarang objek mengikutnya tetapi KK ini boleh menerima kehadiran adjung, iaitu sebagai penerang ayat untuk memberikan makna yang jelas terhadap KK tersebut. Hal ini jelas membawa maksud bahawa KK merupakan salah satu unsur dalam konstituen ayat yang dapat memberikan makna semantik terhadap binaan sintaksis. Walaupun kedua-dua KK ini mempunyai persamaan, iaitu tidak mempunyai objek, namun terdapat perbezaan yang wujud antara kedua-dua KK ini. Perbezaan antara kedua-KK ini belum dibahas dengan tuntas dalam kajian-kajian lepas.

Kehadiran Kata Kerja Bantu Dalam Frasa Kerja

Mohamed Sultan dan Ahmad (2020) yang menganalisis struktur kata kerja bantu dalam dialek Kedah (DK) mendapati bahawa konstituen ayat dianggap gramatis sekiranya kata bantu aspek hadir sebelum kata kerja manakala sebaliknya jika kata bantu hadir pada bahagian akhir ayat tersebut. Analisis yang menggunakan kerangka Program Minimalis ini telah berjaya membuktikan wujud persamaan kata kerja bantu (KKB) aspek dan modal dalam dialek Kedah dan bahasa Melayu standard dari sudut kedudukan kata kerja bantu itu sendiri. Kajian ini dianggap sebagai kajian awal dalam memerihalkan permasalahan yang berlaku dalam kata kerja bantu. Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Mohamed Sultan dan Mohamed (2021) terhadap dialek Melayu Terengganu (DMT) yang memfokuskan kata kerja bantu mendapati bahawa KKB boleh hadir sebelum atau selepas kata kerja. Pandangan ini adalah sama sekali berbeza dengan pandangan beberapa sarjana bahawa KKB hanya boleh hadir sebelum kata kerja. Dapatan ini menyamai dapatan kajian Mohamed Sultan dan Mohd Nasir (2020) terhadap dialek Kelantan.

Secara dasarnya kajian ini merupakan satu kajian yang menarik, namun hasil dapatan dianggap tidak komprehensif. Hal ini demikian kerana kajian Mohamed Sultan dan Mohamed (2021) terhadap DMT tidak menghuraikan aspek KKB modal dalam dialek Terengganu. Lantaran itu, satu kajian lanjut berkaitan KKB aspek perlu dilakukan untuk menjelaskan persamaan dan perbezaan antara kedua-dua KKB ini. Selain itu, kajian ini penting untuk membuktikan hasil penulisan Mohamed Sultan dan Ahmad (2020). Walau bagaimanapun, kajian yang dilakukan merupakan bahan rujukan yang baik untuk pembaca memahami kata kerja bantu aspek dengan lebih sistematik.

Kata Tanya dalam dialek Melayu Menggunakan Teori Program Minimalis

Kata tanya digunakan oleh penutur natif untuk bertanyakan soalan ketika berinteraksi. Kajian mengenai kata tanya ini dijalankan oleh beberapa pengkaji tetapi memfokuskan berkaitan kata tanya di kawasan utara. Contohnya, perbincangan mengenai kata tanya “mana” dalam dialek Pulau Pinang dilakukan oleh Mohamed Sultan dan Nordin (2012), kata tanya “sapa” dalam dialek Kedah oleh Mohamed Sultan dan Suhaimi (2013), Nik Muhammad Naziman dan Mohamed Sultan (2018) melihat bentuk dan kedudukan kata tanya dialek Perak Utara dan kajian Mohamed Sultan (2018) meneliti kata soal “brapa” dalam Dialek Perlis. Kesemua kata tanya dalam kajian-kajian ini dianalisis menggunakan pendekatan Program Minimalis. Hasil kajian literatur sistematik (SLR), jelas memperlihatkan tumpuan kajian lepas hanya terhad dialek utara sahaja. Selain itu, perbincangan kajian lepas hanya memfokuskan kata tanya terbuka sahaja manakala kata tanya tertutup tidak dibahaskan dalam kajian mereka. Justeru, kajian kata tanya dalam dialek-dialek lain seperti dialek Perak Tengah, dialek Kelantan, Terengganu dan Pahang serta penelitian terhadap kata tanya tertutup perlu dilakukan bagi memenuhi keperluan kajian

Perbincangan

Kajian Sistematik Literatur Review (SLR) ini dilakukan dengan menggunakan pangkalan data dan *Google Scholar* sebagai platform dalam pencarian maklumat berkaitan kajian. Berdasarkan analisis SLR, dapatan kajian mendapati kajian mengenai dialek Melayu yang menggunakan pendekatan Minimalis masih kurang dibincangkan secara ilmiah. Ini dibuktikan dengan penemuan hanya 11 kajian akademik yang membincangkan berkaitan topik berkenaan. Hasil tinjauan SLR mendapati kajian dialek Melayu menggunakan pendekatan Program Minimalis tertumpu kepada aspek kata kerja, binaan frasa kerja kata kerja bantu dan kata tanya sahaja. Justeru, adalah wajar agar penelitian dalam bidang ini diperluas dan diberikan perhatian dalam bidang linguistik Melayu.

Berdasarkan SLR, wujud isu baharu yang mendorong keperluan untuk meneliti bidang ini sebagai kajian lanjut. Oleh itu, pengkaji mencadangkan kepada pengkaji akan datang agar melihat struktur binaan kata seperti kata ganti nama, kata adjektif, kata sendi nama dan binaan frasa seperti frasa nama, frasa adjektif dan frasa sendi nama. Selain itu, penulisan aspek ini perlu diperbanyak dan diperluas oleh ahli akademik dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Hal ini demikian kerana setakat ini masih tiada penulisan dalam bahasa Inggeris yang membincangkan secara khusus berkaitan dengan dialek Melayu dengan mengaplikasikan Program Minimalis (PM). Seperti yang telah dinyatakan, pengaplikasian pendekatan PM merupakan satu pendekatan yang terbaik untuk menggambarkan dan menganalisis struktur binaan kata, frasa dan ayat. Justeru, wajar sekiranya pengaplikasian pendekatan PM ini diperbanyak. Tambahan pula, penghasilan artikel ilmiah penting untuk memenuhi keperluan penyelidikan dan sumbangan dalam bidang linguistik yang berkaitan dengan bidang kajian dan Program Minimalis.

Sementara itu, perbincangan mengenai dialek-dialek lain boleh dilakukan bagi menambah baik bidang kajian ini. Antara dialek yang boleh dibahaskan adalah seperti dialek Perak, dialek Kelantan, dialek Terengganu dan dialek Pahang. Di samping itu, dicadangkan agar bidang kajian dikembangkan dengan menelusuri kajian bahasa-bahasa lain seperti bahasa orang asli seperti Kensiu, Kahak, Lanoh, Jahai dan Bateq. Penelitian ini perlu dijalankan memandangkan kesemua kelompok bahasa Negrito ini diancam kepupusan. Seterusnya, dalam kajian tinjauan SLR mendapati kewujudan fitur kala kini dan kala lepas. Dapatan ini menyokong pendapat beberapa sarjana yang berpendapat bahawa semua bahasa mempunyai kala namun yang membezakannya adalah jelas atau tidak. Kajian yang dilakukan oleh Abd Rahman dan Mohamed Sultan (2018) dalam dialek Perlis dan Othman serta Mohamed Sultan (2019) dalam kajiannya terhadap dialek Negeri Sembilan, sedikit sebanyak memberikan gambaran mengenai struktur binaan bahasa Jawa

yang dikatakan mempunyai kala. Walau bagaimanapun, kajian lepas tidak merungkaikan dan menjelaskan dengan baik faktor kewujudan kala ini. Lantaran itu, kajian lanjut berkaitan kala boleh dilakukan oleh pengkaji akan datang. Hal ini penting bagi membuktikan bahawa setiap bahasa mempunyai kala, yang membezakannya adalah jelas atau tidak.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, jelas memperlihatkan bahawa kajian SLR berkaitan dialek dengan mengaplikasikan teori Program Minimalis ini memberikan banyak maklumat bermanfaat yang berjaya diperoleh dan dikumpulkan untuk perkembangan bidang dialek. Justeru, kajian ini merupakan kajian awal bagi pengkaji lain yang mahu melakukan kajian yang lebih mendalam sekali gus memperluas ruang lingkup kajian. Kajian ini dapat menjadi sumber rujukan oleh penyelidik lain pada masa akan datang yang berhasrat untuk mendalami bidang Minimalis sebagai satu bidang penyelidikan, khususnya yang berminat dalam mengkaji dialek Melayu dari perspektif sintaksis secara terperinci dan komprehensif. Bagi memperkukuhkan lagi bidang kajian dialek Melayu ini, diharapkan agar bidang kajian ini diperluas agar seimbang dengan kajian-kajian lain yang menggunakan teori Program Minimalis sebagai landasan kajian.

Jurnal E-Bangi

ORIGINALITY REPORT

13%

SIMILARITY INDEX

13%

INTERNET SOURCES

1%

PUBLICATIONS

4%

STUDENT PAPERS

PRIMARY SOURCES

1	ukmsarjana.ukm.my Internet Source	2%
2	spaj.ukm.my Internet Source	2%
3	al-irsyad.kuis.edu.my Internet Source	1%
4	www.researchgate.net Internet Source	1%
5	Submitted to Sim University Student Paper	1%
6	jurnalbahasa.dbp.my Internet Source	1%
7	Submitted to University of Malaya Student Paper	1%
8	journalarticle.ukm.my Internet Source	<1%
9	wafina.wordpress.com Internet Source	<1%

10	docplayer.net Internet Source	<1 %
11	lib.journals.pnu.ac.ir Internet Source	<1 %
12	index.salnesia.id Internet Source	<1 %
13	Submitted to International Islamic University Malaysia Pagoh Student Paper	<1 %
14	Submitted to Universiti Teknologi MARA Student Paper	<1 %
15	findresearcher.sdu.dk Internet Source	<1 %
16	ebookmarket.org Internet Source	<1 %
17	jurnal.umj.ac.id Internet Source	<1 %
18	marniyati.blogspot.co.uk Internet Source	<1 %
19	yuslalaintan.wordpress.com Internet Source	<1 %
20	afiezahinnisa.wordpress.com Internet Source	<1 %
21	apkom2015.wordpress.com	

Internet Source

<1 %

22

ml.scribd.com

Internet Source

<1 %

23

sseditora.com.br

Internet Source

<1 %

24

www.scribd.com

Internet Source

<1 %

25

brm3023.blogspot.com

Internet Source

<1 %

26

www.coursehero.com

Internet Source

<1 %

27

www.journaltamu.com

Internet Source

<1 %

28

qdoc.tips

Internet Source

<1 %

Exclude quotes Off

Exclude matches Off

Exclude bibliography Off